

04 DEC 2003

Dewan-Gulung (Hadi)

DAP BANTAH NEGARA ISLAM KERANA TIADA PELUANG JADI PM, KATA HADI

KUALA TERENGGANU, 4 Dis (Bernama) -- DAP menolak negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS kerana wakil-wakilnya tidak mempunyai peluang untuk menjadi Perdana Menteri sekiranya Barisan Alternatif memerintah negara ini, kata Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

"Masalah kita dengan DAP muncul semasa kita bermuzakarah dan mereka menentang negara Islam kerana bila Pas hendak buat negara Islam, secara automatik mereka tidak boleh menjadi Perdana Menteri. Ini satu realiti," katanya.

Abdul Hadi ketika menggulung Bajet 2004 pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini, hari ini juga berkata bahawa kenyataannya sebelum ini yang menafikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam bukan berniat untuk menghukum.

Sebaliknya, Menteri Besar Terengganu itu berkata ia bertujuan supaya Kerajaan Pusat membetulkan apa juga yang bertentangan dengan hukuman syarak bagi menjadikan Malaysia benar-benar sebuah negara Islam.

Abdul Hadi (Pas-Rhu Rendang) berkata parti itu menerima dengan positif pengiktirafan yang diberikan oleh dunia luar kepada Malaysia bahawa negara ini adalah negara Islam.

"Kita terima dengan positif, sebab itu kita wartakan Undang-Undang Syariah. Dalam bab (negara Islam ini) kita setuju tetapi dalam bab royalti, menentang Islam, kita tidak setuju," katanya.

Sementara itu, Abdul Hadi mempertahankan hak kerajaan negeri memasukkan royalti petroleum sebagai pendapatan negeri dalam Bajet 2004 kerana berpendapat ia adalah hak yang telah ditetapkan dalam perjanjian sebelum ini.

"Ketua Audit Negara telah beri pengakuan audit bersih kepada kerajaan negeri melalui penyata tahun 2002 kepada pentadbiran kewangan negeri.

"Pengakuan ini, dia (Ketua Audit Negara) beri dengan mengambilkira bajet yang kita bantahkan beberapa kali sebelum ini termasuklah belanjawan yang kita masukkan royalti petroleum...tidak salah," katanya.

Mengenai mengapa beliau tidak hadir ketika Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri pada 31 Okt lepas, Abdul Hadi berkata beliau ketika itu berada di Mekah bersama Sultan Terengganu, yang merasmikan hotel yang dipajak oleh anak syarikat kerajaan negeri.

Katanya kerajaan negeri sudah menghantar surat kepada Perdana Menteri pada 18 Nov lepas menyatakan hasrat untuk mengadakan kunjungan hormat tetapi sehingga kini tiada jawapan.

Abdul Hadi juga menyangkal dakwaan kononnya beliau tidak ikhlas ketika mengucapkan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan bajet Isnin lepas.

-- BERNAMA

ERE PR